

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

No. Ruj.: KKM.600-6/2/36 JILID 5 (24)

Tarikh: 23 Februari 2024

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PENGUKUHAN PENGURUSAN MAKLUMAT BERKAITAN FASILITI KESIHATAN:
ARAHAN PENGGUNAAN GARIS PANDUAN PENDAFTARAN DAN
PENGURUSAN KOD FASILITI KESIHATAN SERTA PINDAAN BORANG DAFTAR
KOD FASILITI KESIHATAN (BORANG KKA PINDAAN 1/2024).**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat Informatik Kesihatan di Bahagian Perancangan (PIK) sedang mengemaskini Senarai Induk Fasiliti Kesihatan Malaysia. Ia merupakan satu dokumen standard yang menyenaraikan fasiliti kesihatan sektor awam dan swasta yang berdaftar di KKM. Setiap fasiliti kesihatan yang tersenarai akan diberikan identiti unik, iaitu fasiliti kod, serta mempunyai maklumat asas (core) seperti jenis fasiliti, alamat, nombor telefon, emel, dan geolokasi. Senarai induk ini seterusnya boleh digunakan untuk analisis geospasial, penganalisan pengagihan sumber kesihatan seperti sumber manusia pengamal perubatan dan peralatan perubatan, dan pembangunan aplikasi kesihatan digital (*digital health solutions*). Oleh itu, senarai induk ini akan diterbitkan secara berkala bermula tahun 2024 dan tersedia dalam bentuk digital (*digitally available*) sebagai data terbuka (*open data*).

3. Bagi tujuan tersebut, Garis Panduan Pendaftaran dan Pengurusan Kod Fasiliti Kesihatan telah dibangunkan bagi menjelaskan tatacara pendaftaran dan pengurusan kod fasiliti kesihatan. Sukacita jua dimaklumkan bahawa Garis Panduan Pendaftaran dan Pengurusan Kod Fasiliti Kesihatan serta Borang Daftar Kod Fasiliti Kesihatan (Borang KKA Pindaan 1/2024) telah diluluskan di Mesyuarat KPK Khas pada 28 Dis 2023 dan sedia diedarkan untuk rujukan.

4. Bersama-sama ini dilampirkan ringkasan tatacara pendaftaran kod fasiliti kesihatan (**Lampiran A**) untuk rujukan YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin / Tuan / Puan. Manakala Garis Panduan lengkap serta Borang Daftar Kod Fasiliti

Kesihatan (Borang KKA Pindaan 1/2024) boleh dirujuk dan dimuat turun pada pautan berikut:

<https://myhdw.moh.gov.my/public/facility-code-registration>



5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berkenaan perkara di atas, sila berhubung dengan pegawai dari Pusat Informatik Kesihatan, Bahagian Perancangan seperti berikut:

- a) Dr. 'Ismat binti Mohd Sulaiman, Ketua Penolong Pengarah Kanan UD54
(No. Tel.: 03 - 8883 3497 / E-mel: drismat@moh.gov.my)
- b) En. Azman bin Ahmad, Penolong Pengarah Kanan N44
(No. Tel.: 03-8883 3251 / azman_ahmad@moh.gov.my)
- c) Pn. Siti Nor Anneza binti Zahari, Pembantu Tadbir N22
(No. Tel.: 03 - 8883 3404 / E-mel: anneza@moh.gov.my)

6. Semoga kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin / Tuan / Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (IPKKM)

1. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
2. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
3. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
4. Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian
5. Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi
6. Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
7. Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
8. Pengarah
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
9. Pengarah
Bahagian Perancangan
10. Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
11. Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
12. Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
13. Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
14. Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
15. Pengarah
Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
16. Setiausaha
Bahagian Pengurusan Maklumat

17. Pengurus NIH
National Institutes of Health

JABATAN KESIHATAN NEGERI & INSTITUSI / HOSPITAL KKM


1. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
2. Pengarah
Institut
3. Pengarah
Pusat Darah Negara
4. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
5. Pengarah Hospital
Hospital

AGENSI BUKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
(u.p. Konsortium Hospital Universiti Awam Malaysia)
2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia
3. Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Jantung Negara
4. Presiden
Association of Private Hospitals of Malaysia
5. Ketua Pegawai Eksekutif
Persatuan Insurans Hayat Malaysia
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Persatuan Insurans Am Malaysia
7. Pengerusi
Malaysian Takaful Association


RINGKASAN TATACARA PENDAFTARAN KOD FASILITI KESIHATAN

1. Garis Panduan Pendaftaran dan Pengurusan Kod Fasiliti Kesihatan terpakai bagi semua fasiliti kesihatan sektor awam dan swasta bermula pada 1 Mac 2024.
2. Garis Panduan lengkap serta Borang KKA boleh dimuat turun di pautan berikut:
<https://myhdw.moh.gov.my/public/facility-code-registration>
3. **Senarai jenis fasiliti kesihatan** yang perlu didaftarkan boleh dirujuk di Bab 4 muka surat 12-14.
4. **Bagi fasiliti kesihatan KKM**, setiap fasiliti kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), dan Program/Bahagian yang terlibat hendaklah **melantik pegawai yang bertanggungjawab** untuk menyedia dan mengemaskini maklumat mengenai fasiliti kesihatan di bawah pentadbiran mereka.
5. Maklumat fasiliti kesihatan yang hendak didaftarkan / dikemaskini perlu disemak dan disahkan betul di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri sebelum disahkan oleh Pengarah (atau wakil) dari Program/Bahagian yang bertanggungjawab untuk memastikan maklumat tersebut adalah benar dan tepat.
6. Proses pendaftaran tersebut perlu dilaksanakan sekali sahaja. Walau bagaimanapun, pengemaskinian maklumat boleh dilakukan sekiranya diperlukan, termasuk apabila fasiliti tersebut ditamatkan operasi. Ini kerana kod fasiliti yang diberikan kepada setiap fasiliti bersifat unik, kekal, dan tiada duplikasi.
7. Sila gunakan **Borang Daftar Kod Fasiliti Kesihatan (Borang KKA)** versi terkini bagi tujuan pendaftaran fasiliti baharu, pengemaskinian maklumat (contohnya penukaran alamat atau jenis fasiliti), dan pengemaskinian status operasi (contohnya operasi ditangguh, beroperasi semula, atau ditutup sepenuhnya).
8. **Bagi fasiliti kesihatan selain KKM**, pendaftaran kod fasiliti adalah berdasarkan senarai fasiliti yang berdaftar/berlesen dengan KKM melalui agensi yang bertanggungjawab, iaitu Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) bagi fasiliti di bawah Akta 586 dan Bahagian Penguatkuasaan Farmasi bagi Komuniti Farmasi. Oleh itu, **tiada keperluan untuk melalui proses pendaftaran** seperti di perkara 3-7 di atas.



Pautan ke Garis Panduan
dan Borang KKA

CARTA ALIR PROSES MENDAFTAR, MENGEMASKINI STATUS OPERASI, DAN MENGEMASKINI MAKLUMAT FASILITI KESIHATAN AWAM.



(Dikemaskini pada 4 Feb 2024)

(Rujukan: Garis Panduan Pendaftaran Dan Pengurusan Kod Fasiliti Kesihatan, m.s. 17)